

**DI ANTARA AGAMA DAN BUDAYA :
SUATU ANALISIS TENTANG UPACARA PEUSIJUEK
DI NANGGROE ACEH DARUSSALAM**

O i e h

M. JAKFAR ABDULLAH

P-HM 0305

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2007

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t. yang dengan redha dan izinNya penulisan tesis ini telah selesai sebagaimana yang diharapkan. Selanjutnya sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diperuntukkan khas kepada Prof. Madya Dr. Zailan Moris sebagai penyelia tesis ini. Beliau telah banyak meluangkan masa, memberikan bantuan, mengorbankan tenaga dan fikiran, serta memberikan petunjuk, nasihat, saranan, dan menyemak dalam upaya persiapan dan kesempurnaan tesis ini.

Berikutnya sekalung penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah memberikan segala kemudahan untuk kelancaran proses penulisan tesis ini. Berbagai kemudahan tersebut diperolehi daripada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, khasnya kepada Dekan, Prof. Dr. Abu Talib Ahmad, Institut Pengajian Siswazah, khasnya Dekan, Prof. Dr. Syukri, Perpustakaan, dan lain-lain pihak yang menyumbang sama ada langsung maupun tidak langsung kepada penyempurnaan tesis ini. Dengan harapan semoga Universiti ini tetap dikenang, atas segala jasanya yang amat mulia, iaitu memberikan peluang kepada setiap orang yang menuntut ilmu pengetahuan.

Akhirnya dirakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu serta terlibat dalam penulisan tesis ini, semoga mendapat ganjaran dan redha Allah. Terutamanya pengorbanan lahir dan bathin berserta do'a yang tulus dari Isteri dan anak-anakku tercinta, yang sentiasa menyertai penyelesaian tesis ini. Semoga tesis ini bermanfaat bagi dunia akademik, serta kehidupan masyarakat. Atas segala kekurangan, keterbatasan, serta kealpaan dipohon ma'af.

Wassalam.

KANDUNGAN

ISI

HALAMAN

PENGHARGAAN.....	i
KANDUNGAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah.....	5
1.3. Objektif Kajian	9
1.4. Skop dan Batasan Kajian	10
1.5. Pendekatan dan Methodologi Kajian	16
1.6. Kepentingan Kajian	23
1.7. Tinjauan Kajian Lalu	27
1.8. Organisasi Kajian	30

BAB DUA LATAR BELAKANG KEBUDAYAAN DAN ADAT ACEH

2.1. Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam	32
2.1.1. Geografi Nanggroe Aceh Darussalam	32
2.1.2. Penduduk	35
2.1.3. Bahasa	38
2.1.3. Agama dan Pendidikan.....	40
2.2. Pengaruh Hindu Pra Islam di Aceh.....	46
2.3. Tradisi Masyarakat Aceh	48
2.4. Asal Usul dan Perkembangan Kebudayaan Aceh	51
2.5. Sejarah dan Perkembangan Islam di Aceh.....	54
2.5. Pasca Islam di Aceh	61
2.5.1 Melalui Jalan Perdagangan	62
2.5.2 Melalui Jalan Perkahwinan	63
2.5.3 Melalui Jalan Tasawwuf.....	64
2.5.4 Mellui Jalan Ibadah Haji.....	65

BAB TIGA PEUSIJUEK

3.1. Pembahasan Tentang <i>Peusijuek</i>	67
3.1.1 Pengertian <i>Peusijuek</i>	69
3.1.2 <i>Peusijuek</i> Sebagai Budaya	70
3.1.3 Hakikat <i>Peusijuek</i>	75

3.2. Objek Upacara <i>Peusijuek</i>	78
3.2.1. <i>Peusijuek</i> Dalam Diri dan Kehidupan Manusia.....	78
3.2.2. <i>Peusijuek</i> Di luar Diri Manusia (Terhadap Benda-Benda)	90
3.3. Alat Perlengkapan dan Makna <i>Peusijuek</i>	93
3.3.1. Alat Perlengkapan <i>Peusijuek</i>	93
3.3.2. Alat dan Makna Perlengkapan Setiap Upacara <i>Peusijuek</i>	97
3.4. Tujuan <i>Peusijuek</i>	105

BAB EMPAT M U S P A

4.1. Pengertian <i>Muspa</i>	109
4.2. Tatacara Pelaksanaan <i>Muspa</i>	113
4.3. Makna dan Simbol <i>Muspa</i>	118
4.3.1. Bunga, Daun, Buah dan <i>Kewangen</i>	118
4.3.2. Api (<i>dhupa</i>)	119
4.3.3. Air (<i>tirtha</i>)	121
4.3.4. <i>Wija / Bija</i>	122

BAB LIMA ANALISIS DAN TEMUAN LAPANGAN

5.1. Kedudukan <i>Peusijuek</i> Dalam Masyarakat Aceh	124
5.1.1. <i>Peusijuek</i> Sebagai Amalan Budaya	124
5.1.2. <i>Peusijuek</i> Warisan Budaya Pra Islam	133
5.2. Temuan Baharu Lapangan	138
5.2.1. Amalan <i>Peusijuek</i> Masih Kekal Dalam Masyarakat Aceh.....	138
5.2.2. Perubahan Pelaksanaan Amalan <i>Peusijuek</i>	140
5.3. Persamaan dan Perbezaan <i>Peusijuek</i> Dengan <i>Muspa</i>	144
5.3.1. Persamaan <i>Peusijuek</i> Dengan <i>Muspa</i>	144
5.3.2. Perbezaan <i>Peusijuek</i> Dengan <i>Muspa</i>	150
5.4. <i>Peusijuek</i> Dalam Pandangan Islam	154

BAB ENAM KESIMPULAN DAN SARANAN

6.1. Kesimpulan.....	174
6.2. Saranan.....	179

BIBLIOGRAFI.....	181
-------------------------	------------

DI ANTARA AGAMA DAN BUDAYA: SUATU ANALISIS TENTANG UPACARA PEUSIJEUK DI NANGGROE ACEH DARUSSALAM

ABSTRAK

Penyelidikan ini berusaha untuk memahami upacara *Peusijkeuk* dalam masyarakat Aceh dari perspektif agama dan budaya. Soalan utama kajian ialah adakah *peusijkeuk* itu amalan budaya atau amalan agama? Amalan *peusijkeuk* merupakan amalan budaya yang telah bercampur dengan agama, bahkan sangat sukar untuk memisahkan amalan *peusijkeuk* itu dari masyarakat. Adakalanya *peusijkeuk* itu dapat mengalahkan amalan agama

Kajian tentang upacara *peusijkeuk* ini merupakan kajian yang melibatkan antara agama dan budaya. Agama yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah agama Islam, di mana telah terjadi percampuran antara ajaran agama Islam dengan yang bukan Islam, sehingga menjadi suatu budaya yang sangat sukar untuk dipisahkan. Hal ini terjadi kerana upacara *peusijkeuk* sentiasa mengiringi setiap upacara, sama ada upacara sosio-kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, membina bangunan mahupun sosio-keagamaan seperti berkhatan, orang yang hendak menunaikan ibadah haji, dan sebagainya. Untuk mengkaji upacara *peusijkeuk* itu sama ada amalan agama mahu pun amalan budaya, digunakan pendekatan kajian Ilmu Perbandingan Agama. Dengan menggunakan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dapat diketahui dengan jelas dan pasti asal usul serta peranan upacara *pusijkeuk* itu. Teori fungsional dalam sosiologi (setiap yang berfungsi akan tetap ada) telah digunakan untuk melihat fungsi agama dalam *peusijkeuk*.

Data kajian ini diperolehi dari berbagai-bagai sumber, antaranya perpustakaan yang berupa pelbagai tulisan sama ada berupa makalah mahupun hasil penyelidikan terdahulu. Hasil temuan perpustakaan dikukuhkan dengan hasil dari pemerhatian

lapangan dan temu bual dengan tokoh adat dan agama dalam masyarakat Aceh, dengan menggunakan soal selidik tidak berstruktur.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa *peusijuek* itu merupakan adat budaya yang berasal dari luar ajaran Agama Islam, iaitu budaya Hindu, di mana budaya dan agama ini pernah berkembang sebelum kedatangan Islam di Aceh hampir 800 tahun. Para tokoh adat Aceh menganggap bahawa *peusijuek* tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan ada yang menganggap bahawa meskipun *peusijuek* itu berasal dari budaya Hindu, akan tetapi telah diislamisasikan oleh para ulama zaman dahulu kala. Temuan terbaru di lapangan mendapati bahawa telah terjadinya perubahan pelaksanaan upacara *peusijuek* beserta sarana atau alat-alat yang digunakannya. Meskipun *peusijuek* tetap dilaksanakan tetapi tidak lagi seperti sedia kala. Hanya sekadarnya sahaja.

Meskipun *peusijuek* diakui oleh tokoh adat, tokoh masyarakat, dan tokoh agama sebagai budaya peninggalan budaya dan agama Hindu, namun majoriti masyarakat Aceh masih tetap mengamalkan *peusijuek* sebagai amalan budaya. Di kampung-kampung, pelaksanaan *peusijuek* lebih lebih banyak diadakan berbanding dengan masyarakat Aceh yang bermastautin di bandar-bandar. Di kampung, mereka yang tidak melaksanakan *peusijuek* dianggap sebagai orang yang tidak punya adat dan budaya. Di bandar-bandar, sebahagian masyarakat Aceh sudah tidak menganjurkan *peusijuek* lagi, dan ini menjadi suatu hal yang dianggap biasa sahaja.

BETWEEN RELIGION AND CULTURE: AN ANALYSIS OF THE PEUSIJUEK RITUAL IN NANGGROE ACEH DARUSSALAM

ABSTRACT

This research attempts to understand the *Peusijuek* ritual in Acehnese society from a religious and cultural perspective. The main question is whether *Peusijuek* is a cultural or religious practice. *Peusijuek* is a cultural practice that is mixed with religious elements in the daily life of the Acehnese people. It is very common to find this activity. Many people would prefer to perform it than the rituals of religion. Culture means that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, customs and other capabilities and habits acquired by man as a member of society

The study of *Peusijuek* involves both culture and religion. It shows the assimilation between religion and culture in Acehnese Society. *Peusijuek* has always been held to begin several ceremonies, either social activities such as wedding party, building of a house or religious affairs, such as circumcision and preparation of *hajj*, etc. In this study the method of comparative religion is used to find the origin of the *peusijuek* ritual. In addition, the functional theory of sociology is useful to examine whether *Peusijuek* is a cultural or a religious practice.

The data concerned with the topic has been gathered using the various sources, that is, library and also field research. Library findings are supported by the data gathered from field research and also the interviews with local and religious figures of Acehnese society.

This study reveals that *peusijuek* does not originate from the Islamic religion. It has its roots in Hinduism which was widely practiced by Acehnese Society before the coming of Islam. Many local figures regard *peusijuek* as not conflicting with Islamic

teachings since it has been handed down through out the generations. This cultural heritage is shaped by geographical conditions, historical experiences and ongoing social processes.

Although *peusijuek* is recognized as a heritage of Hinduism, the majority of Acehnese people who are Muslims still practice it until today. The rural Acehnese prefer practicing it than the urban Acehnese. The former has usually accused that the latter does not respect local customs.

BAB SATU

P E N D A H U L U A N

1.1. P E N G E N A L A N

Peusijkek dalam bahasa Aceh atau *Tepung Tawar* dalam bahasa Melayu telah lama dikenali sejak dahulu kala hingga hari ini.¹ *Peusijkek* adalah salah satu adat budaya Aceh yang sentiasa mengiringi setiap upacara yang dilakukan oleh masyarakat Aceh. Tiada satupun upacara yang dilakukan tanpa *peusijkek*, apakah upacara sosio-kemasyarakatan ataupun sosio-keagamaan, di bandar ataupun di kampung. Oleh kerana *peusijkek* mengiringi hampir semua upacara dalam masyarakat Aceh, amat sukar untuk membezakan aspek adat dari amalan agama.

Dalam budaya Aceh, upacara *peusijkek* dilaksanakan pada upacara seperti berikut:²

1. *Peusijkek peutrun linto baro* (semasa hendak menghantar pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan).
2. *Peusijkek teurimoeng linto baro* (semasa menerima pengantin lelaki di rumah pengantin perempuan).
3. *Peusijkek seumano dara baro* (semasa memandikan pengantin perempuan).
4. *Peusijkek peusanding* (semasa bersanding pengantin lelaki dan pengantin perempuan di pelamin).
5. *Peusijkek sunat Rasul* (semasa berkhatan).
6. *Peusijkek meulangga* (selepas terjadinya kecelakaan).
7. *Peusijkek pade bijeh* (bibit padi yang hendak ditanam).
8. *Peusijkek peudeng rumoh* (semasa mendirikan/membina rumah).
9. *Peusijkek kenderaan* (kenderaan yang baharu dibeli).

¹ THM Lah Husny, dalam buku, *Butir-Butir Adat Melayu Pesisir Sumatera Timur*, menyebutkan bahawa *Tepung Tawar* berasal dari dua perkataan, iaitu "Tempung dan Tawar (*Tampung Tawar*)" yang bermakna *Tampung* tangan untuk menerima *penawar* atau ubat. Ini adalah upacara kebiasaan bagi puak Melayu dalam berbagai upacara. Lihat hlm. 44-45. Sementara itu *Peusijkek* dalam bahasa Aceh bermakna dingin yang berasal daripada perkataan (*sijkek*) yang kemudian mendapat imbuhan *peu*, menjadi *peusijkek*, ia bermakna mendinginkan suasana. *Peusijkek* adalah suatu upacara adat Aceh yang selalu digunakan dalam setiap berbagai upacara, sama ada sosio-budaya maupun sosio-keagamaan. Sebagaiman tokoh adat dan ulama Aceh menyatakan bahawa *peusijkek* itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam, dengan berhujah bahawa Rasulullah pernah berbuat demikian semasa pemikahan Ali bin Abi Thalib dengan Fatimah. A. Hasjmy berpendapat sebagaimana dipetik oleh Teuku Raja Itam Aswar Syiah Ulama bahawa *peusijkek* telah diislamisasikan oleh ulama Aceh zaman dahulu kala dengan mengucapkan Basmallah. Temubual 24 Oktober 2006 di Banda Aceh.

² *Budaya Ajéh Lembaga Adat dan Kebudayaan Ajéh*, 1990, hlm. 89-101.

Walaupun dari segi tujuan pelaksanaannya, acara *peusijuek* di kalangan masyarakat Aceh ada sedikit perbezaan dari satu daerah kepada daerah yang lain, namun pada dasarnya ada kesamaan, iaitu untuk memperolehi keselamatan dan ketenteraman dalam kehidupan.

Pada pelaksanaan upacara *peusijuek* ini diperlukan beberapa perlengkapan yang berbeza, bergantung pada benda yang hendak diupacarakan dalam *peusijuek*. Di antara perlengkapan yang tidak boleh ditinggalkan dalam upacara *peusijuek* ialah seperti berikut :³

1. *Dalung* (sejenis talam).
2. *Breuh pade* (beras dan padi).
3. *Tepung taweeu ngon ie* (tepung penawar dengan air).
4. *On seusijuek, on manoek, on naleung sambho* (jenis daun tertentu).
5. *Glok* (cawan tempat basuh tangan).
6. *Glah* (gelas tempat letak *tepung taweu* dan beras).

Penggunaan perlengkapan alat-alat untuk upacara tersebut di atas, mempunyai simbol dan makna yang berbeza, dan menjadi satu tumpuan harapan dari upacara tersebut. Seperti penggunaan *dalung* (talam) pada *peusijuek* mempelai bertujuan agar kedua mempelai tersebut tetap bersatu dalam satu keluarga yang harmoni. *Dalung* atau *talam* sebagai simbol kebulatan melambangkan satu kesatuan yang kukuh. Demikian juga halnya dalam penggunaan *bue luekal* (pulut warna kuning atau putih) dimana pulut itu mengandungi kanji. Maka diharapkan kedua mempelai tersebut, atau orang yang di *peusijuek* itu akan memiliki sifat di mana jiwa dan raganya bersatu, sebagaimana bersatu dan melekatnya pulut satu dengan yang lainnya.

³ *Ibid*, hlm. 103.

Upacara *peusijuek* dalam masyarakat Aceh sudah menjadi suatu amalan yang turun menurun dan tidak mungkin terhapus. Bahkan ia akan sentiasa berterusan dan mengikut setiap upacara apakah sosio-budaya, sosio-kemasyarakatan, maupun sosio-keagamaan. Contohnya orang yang hendak bertolak melaksanakan ibadah haji, rukun Islam yang kelima juga tidak terlepas dari upacara *peusijuek*. Demikian juga bila mereka tiba kembali ke tanah airnya dari tanah suci, tetap akan disambut dengan upacara *peusijuek*. Untuk memisahkan upacara *peusijuek* di antara amalan budaya dan agama amat sukar.

Meskipun *peusijuek* itu telah menjadi adat yang mengental di tengah-tengah masyarakat Aceh, namun tidaklah semua masyarakat Aceh melaksanakan upacara *peusijuek*. Ada sebahagian masyarakat Aceh yang tidak mahu melaksanakan *peusijuek*, bahkan menentangnya. Kelompok ini umumnya terdiri dari masyarakat Aceh yang lebih radikal atau tegas dalam pemahaman keagamaannya. Kelompok ini menganggap bahawa *peusijuek* itu bukan berasal dari ajaran agama Islam, akan tetapi merupakan warisan dari sisa-sisa ajaran agama Hindu. Hal ini diakui oleh tokoh agama dan masyarakat Aceh, namun mereka beranggapan bahawa *peusijuek* itu telah menjadi adat dan budaya masyarakat Aceh. Sebagaimana pernyataan dari Muhammad Hakim Nya' Pha, seorang pensyarah di Universiti Syiah Kuala Banda Aceh, kini menjawat sebagai Hakim Agung di Jakarta dan juga tokoh adat Aceh. Beliau telah banyak menulis tentang hukum adat Aceh dalam berbagai seminar, beliau menyatakan bahawa *peusijuek* itu memang merupakan peninggalan budaya Hindu, akan tetapi telah menjadi tradisi dan budaya Aceh sejak zaman dahulu hingga saat ini, dan tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam.⁴ Demikian juga pernyataan dari Teuku Raja Itam Aswar Syiah Ulama, salah seorang tokoh adat Aceh. Beliau juga banyak tampil dalam berbagai seminar tentang adat dan budaya Aceh, dalam sebuah tulisan yang bertajuk *Upacara*

⁴ Temu bual dengan Muhammad Hakim Nya' Pha, 6 Jun 2006 di Pulau Pinang.

Peusijkek Fungsi dan Penggunaannya, beliau menyatakan bahawa upacara *peusijkek* tidak bercanggah dengan ajaran Islam⁵. Hal serupa dinyatakan oleh Thamrin Z, tokoh adat dan tokoh masyarakat, sejarawan, dan tokoh pustakawan Aceh, beliau mengatakan bahawa *peusijkek* telah menjadi budaya masyarakat Aceh yang turun temurun sejak dahulu kala, tidak jelas siapa yang membudayakannya.⁶ Meskipun demikian *peusijkek* tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang dianut oleh masyarakat Aceh dan murni sebagai adat budaya Aceh. A. Rahman Kaoy, pensyarah di Institut Agama Islam Negeri Banda Aceh, ulama dan juga tokoh adat Aceh mengakui bahawa *peusijkek* itu merupakan tradisi warisan daripada agama Hindu.⁷ Ustaz Zainal, Imam Masjid Merduati, menyatakan bahawa *peusijkek* memang merupakan peninggalan budaya Hindu, akan tetapi ia tidaklah bertentangan dengan ajaran Islam dan juga tidak merosakkan akidah Islam, kerana *peusijkek* ini hanya semata-mata adat budaya dalam masyarakat Aceh, *peusijkek* bukan amalan agama.⁸ Ayah Biet, yang sentiasa tampil dalam berbagai kegiatan adat Aceh, terutama pada saat upacara mengantar pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan atau menerima pengantin lelaki di rumah pengantin perempuan. Beliau menyatakan bahawa *peusijkek* itu telah diislamisasikan. ketika memulakan dengan mengucapkan *Basmallah*, dan dilanjutkan dengan membaca Selawat, dan ketika memercikkan air atau ketika menaburkan beras dan padi diiringi dengan harapan semoga orang atau benda yang di *peusijkek* mendapat kebahagiaan dan dalam lindungan Allah, serta disempurnakan dengan membaca do'a pendek.⁹

Dalam beberapa hal, agama Hindu masih mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat Islam di Aceh khususnya dan di Indonesia umumnya. Di antara bekas-bekas pengaruh ajaran Hindu yang terlihat pada penganut Islam ialah membakar

⁵ Temu bual dengan Teuku Raja Itam Aswar Syiah Ulama, 14 Oktober 2004 di Banda Aceh.

⁶ Temu bual dengan Thamrin Z, 14 Oktober 2004, di Banda Aceh.

⁷ Temu bual dengan A. Rahman Kaoy, 14 Oktober 2004 di Banda Aceh.

⁸ Temu bual dengan Ustaz Zainal, Imam Masjid Merduati, 20 Oktober 2004, di Banda Aceh.

⁹ Temu bual dengan Ayah Biet, 20 Oktober 2004 di Banda Aceh.

kemenyan dan *dupa* ketika berdo'a, *peusijuek* (tepung tawar), dan sebagainya. Sebab utama pengaruh ajaran agama Hindu masih ada pada penganut Islam adalah kerana sebelum Islam diterima sebagai agama, masyarakat Aceh telah lebih awal menjadi pemeluk agama Hindu. Setelah Islam diterima menjadi agama dalam masyarakat Aceh, amalan atau ajaran Hindu yang telah melekat sangat kuat, sukar sekali untuk dihapuskan. Sehingga berlakulah kadang kala dualisme dalam menjalankan kehidupan beragama

1.2.1. PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang paling utama dalam *peusijuek* ini adalah mengapa ia telah menjadi adat yang tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja oleh sebahagian masyarakat Aceh? Amat sukar untuk membuat pernyataan, apakah *peusijuek* adalah amalan adat budaya masyarakat Aceh ataupun amalan agama. Adakalanya *peusijuek* mempunyai kedudukan melebihi daripada amalan agama Islam.

Dengan perkiraan lain, adat dan budaya telah bercampur dengan syari'at agama Islam yang sangat sukar untuk dipisahkan antara satu sama lain, dan ia berjalan seiring tanpa pembatas yang jelas sebagaimana yang diharapkan. Sepatutnya adat menurut adat, hukum pula menurut syari'at agama. Adat dan hukum adalah kembar, manakala muafakat adat dan hukum negeri aman, tenteram, dan damai tanpa kerosakan.¹⁰

Pada kenyataannya, yang berlaku adalah hukum syari'at dalam bentuk adat istiadat telah lentur. M. Zainuddin, tokoh sejarawan dan adat Aceh, memaparkan bahawa budaya yang berlaku pada masa lampau dapat digolongkan dalam tiga bentuk, iaitu seperti berikut :

1. Adatullah, iaitu budaya atau adat yang mutlak dijalankan berdasarkan hukum Allah (al-Qur'an dan Sunnah).

¹⁰ Alfian (ed.), *Segi-Segi Kebudayaan Aceh*, Jakarta: LP3ES, 1978, hlm. 38.

2. Adat Muhammamah: iaitu budaya adat istiadat yang dimanifestasikan pada musyawarah dan muafakat.
3. Adatunnash: iaitu budaya dan adat istiadat sebagai manifestasi dari pada kanun dan *reusam* (adat) yang mengatur kehidupan masyarakat.¹¹

Sejarah penyebaran agama Islam di Nusantara telah mencatat bahawa sebelum Islam berkembang di Aceh, kerajaan Hindu telah lama wujud di Aceh. Masalahnya bilakah Islam masuk ke Aceh menjadi perselisihan para ahli sejarah. Ada sebahagian yang berpendapat bahawa Islam masuk ke Indonesia pada awal abad ke-7 M. Sebahagian lagi ada yang berpendapat pada awal abad ke-13 M. Sementara itu ahli sejarah Belanda Snouck Hurgronje berkata bahawa Islam masuk ke Indonesia pada abad ke-15 M.¹²

Seminar tentang masuknya Islam ke Indonesia yang dilaksanakan di Medan pada tahun 1963, dan seminar tentang sejarah dan perkembangan Islam di Aceh dan Nusantara yang bertempat di Peureulak (Perlak) Aceh Timur, yang dilaksanakan oleh Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh tahun 1980 telah memutuskan bahawa berdasarkan berbagai bukti sejarah, bahawa Islam telah masuk ke Indonesia bermula pada abad pertama hijriyah. Bukti sejarah tersebut antara lain bahawa pada tahun 225 H atau tahun 840 M telah didapati wujudnya sebuah kerajaan Islam Peureulak (Perlak) di Aceh. Ini adalah kerajaan Islam yang pertama di kepulauan Nusantara (Indonesia). Kemudian berkembang ke wilayah lainnya di Nusantara. Kedua-dua seminar tersebut menafikan hujah ahli sejarah terdahulu yang mengatakan bahawa Islam masuk ke Indonesia pada abad ke-13 M atau abad ke-15 M. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat dari buku Kesimpulan Seminar seperti berikut :

Seminar menegaskan kembali, bahawa hasil kesimpulan seminar Sejarah Islam yang berlangsung di Medan tahun 1963 yang dikukuhkan lagi dalam

¹¹ M. Zainuddin, *Tarikh Atjeh dan Nusantara*, Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1981, hlm. 313-314.

¹² Lihat, *Kesimpulan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*, 25-30 September 1980, hlm. 9-10. Dianjurkan oleh Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintahan Daerah Tingkat II Aceh Timur.

Seminar Sejarah Islam di Banda Aceh tahun 1978, iaitu bahawa agama Islam telah masuk ke Nusantara pada abad pertama hijriyah langsung dari tanah Arab. Selanjutnya seminar berpendapat bahawa daerah yang mula-mula masuk dan menerima Islam di Nusantara adalah Aceh. Masuk dan berkembangnya Islam di Nusantara merupakan proses yang memakan waktu cukup panjang, sehingga antara masuknya Islam dan tumbuhnya Kerajaan Islam merupakan dua hal yang perlu dibezakan. Berdasarkan dokumen *Izdarul Haqq* dan *Tazkirat Thabakat Jam'u Salatin*, Kerajaan Islam Peureulak (Perlak) didirikan pada tahun 225 H. (abad ke-9 M). Tentang kerajaan Peureulak (Perlak) tersebut terdapat juga dalam catatan-catatan Marco Polo.¹³

Setelah penyebaran Islam di Aceh yang bermula dari abad pertama hijriyah, atau abad ke-7 M, kerajaan Hindu bertukar menjadi kerajaan Islam. Budaya Hindu yang dianggap tidak merosakkan akidah Islam dibiarkan tetap berkembang, seperti halnya *peusijuek* (tepung tawar), *kenduri laut*, *kenduri blang* (kenduri sawah), *tulak bala* (tolak bala), dan sebagainya. Pada awalnya proses pengislaman itu berlangsung tanpa permasalahan, kerana berlangsung secara bertahap, sama halnya setitik minyak yang jatuh ke atas selembar kertas yang membasahi kertas itu. Setelah proses pengislaman itu berlangsung berabad-abad lamanya, dan sebahagian telah menjadi penganut Islam yang kuat dan taat, baharulah proses itu dijadikan persoalan oleh cerdik pandai kita, tentang bagaimana proses itu berlaku.¹⁴

Upacara *peusijuek* yang telah menjadi budaya dan adat istiadat Aceh, ada persamaannya dengan cara umat Hindu melakukan ibadah yang disebut dengan *muspa*. Upacara *muspa* adalah ibadah utama dalam agama Hindu. *Muspa* ini boleh dilaksanakan secara berjamaah, dan boleh juga secara bersendirian. Jika diamati, upacara *muspa* dalam agama Hindu tiada bezanya dengan upacara *peusijuek* dalam budaya Aceh. Pelaksanaannya sama, hanya yang berbeza pada do'a dan perlengkapannya sahaja, apakah untuk *muspa* atau *peusijuek*. Pada *muspa* terdapat

¹³ Lihat, *Ibid.*

¹⁴ Lihat MD Mansur, *Beberapa Catatan Tentang Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Pesisir Sumatera*, Panitia Seminar Masuknya Islam di Indonesia, 1963, hlm. 53-58.

patung sebagai perlambangan Tuhan mereka, sedangkan pada upacara *peusijuek*, patung sebagai lambang Tuhan tidak ada sama sekali. Pada saat kini, banyak tokoh masyarakat yang telah menyedari bahawa *peusijuek* itu merupakan pengaruh dan sisasisa daripada ajaran agama Hindu di dalam masyarakat Islam. Namun hal ini telah berlangsung berabad-abad dan telah menjadi suatu amalan adat istiadat dalam budaya Aceh.

Dariuraian tersebut di atas, maka dapat difahami bahawa masyarakat Aceh pra-Islam telah memeluk agama Hindu dan Buddha serta memiliki kepercayaan leluhur (nenek moyang) mereka, iaitu kepercayaan animisme. Ketika Islam masuk ke Aceh dengan penyebar utamanya dari Persia atau Gujerat dari India selatan, di mana agama Islam yang dianut oleh para penyebarinya tidak terlepas daripada pengaruh unsur-unsur *mistik* dari India, maka dengan mudah dapat diterima oleh masyarakat Aceh yang memiliki kesamaan tradisi, iaitu *mistik*.¹⁵ Maka jadilah mereka disaat itu penganut Islam yang penuh dengan *mistik*, seperti kepercayaan kepada azimat, membakar *kemenyan* pada saat berdo'a.¹⁶ Pada awal penyebarannya tidak terlihat akan tetapi setelah Islam

¹⁵ *Mistik* adalah suatu aliran kebatinan dan kepercayaan terhadap kekuatan ghaib, di mana semua benda dipercayai mempunyai ruh dan daya kekuatan ghaib yang dianggap dapat memberikan sesuatu kekuatan dalam kehidupan manusia. Para ahli perbandingan agama menempatkan mistik ini merupakan bahagian daripada bentuk penyembahan dalam agama primitif. Agama primitif ini dianggap merupakan suatu kepercayaan manusia pada stadium dini (peringkat awal) manusia mengenal Tuhan. Sebahagian daripada tokoh sejarah menjelaskan bahawa pada mulanya Islam masuk ke Aceh dibawa oleh para pedagang dari India, Persia dan Gujerat, sebahagiannya lagi ada yang beranggapan bahawa Islam dibawa langsung dari Arab. Mereka memperkenalkan agama Islam kepada masyarakat Aceh hanya sebatas agama sahaja dengan pengamalan keagamaan yang terbatas pula, dengan suatu perkiraan mereka mahu memeluk agama Islam. Diperkirakan kualiti keagamaan para pedagang yang menjadi penyebar Islam juga minim, tujuan utama mereka datang hanya untuk bermila sambil berdakwah. Pada peringkat awal penyebaran Islam, hanya sebatas amalan sahaja hal-hal kebiasaan kehidupan sehari-hari mereka dan yang dianggap tidak merosakkan akidah tidak disentuh, Islam disebarluaskan secara bertahap (berperingkat). Kondisi pengamalan agama seperti ini berterusan sepanjang kehidupan mereka, maka timbul dualisme dalam kehidupan beragama, iaitu disatu segi mengamalkan ajaran agama Islam yang telah dianutnya, sementara hal-hal tertentu amalan agama yang pernah dianutnya sebelum memeluk Islam tetap dilaksanakkannya juga. Adekalanya kepercayaan akan kekuatan ruh-ruh ghaib seperti *mistik-mistik* masih tetap diamlukan penganut Islam sejak dahulu sehingga kini, seperti membakar *kemenyan* ketika berdo'a, kepercayaan kepada azimat sebagai penangkal dari berbagai penyakit dan sebagainya. Kepercayaan yang bersifat *mistik* masih kekal diamalkan oleh sebahagian penganut agama Islam sehingga saat ini, seperti masih ada masyarakat Aceh yang melakukan *tuluk bala* (tolak bala), *mano safar rabu habib* (mandi kelaut pada hari rabu akhir di bulan safar), dan sebagainya. Untuk menghapuskan kepercayaan seperti ini kalangan masyarakat Aceh sangat sukar, kerana ia telah menjadi amalan yang turun temurun sejak dahulu.

¹⁶ Lihat A. Mukti Ali, *Alam Pemikiran Modern di Indonesia*, Jakarta: Jambatan, 1991, hlm. 125.

menjadi agama rasmi masyarakat Aceh, baharulah penganut Islam intelektual menyadarinya dan memerlukan pemurnian akidah penganutnya.¹⁷ Seperti halnya dengan *peusijuek* (tepung tawar), *tulak bala* (tolak bala), *mano safar* (mandi rabu akhir dibulan safar), *kenduri blang* (kenduri sawah setelah panen), dan lain sebagainya. *Peusijuek* adalah salah satu peninggalan pra Islam yang menjadi tumpuan kajian pada masa kini.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Bertitik tolak dari permasalahan tersebut di atas, maka penyelidikan ini mempunyai objektif kajian seperti berikut :

1. Dikalangan masyarakat Aceh, *peusijuek* telah membudaya sehingga sentiasa mengiringi setiap upacara, baik sosio-kemasyarakatan, maupun sosio-keagamaan dan sangat sukar untuk menghilangkannya. Bahkan sangat sukar pula untuk membezakan mana amalan budaya atau amalan agama. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui adakah *peusijuek* itu amalan budaya masyarakat Aceh ataukah amalan agama ?
2. Untuk mengetahui apakah *peusijuek* amalan budaya atau amalan agama, kajian ini mengkaji tatacara pelaksanaan, sarana (alat-alat), serta tujuan dalam upacara *peusijuek*.
3. Kajian ini juga akan mengkaji pelaksanaan *peusijuek* apakah ia sesuai dengan amalan ajaran Islam, iaitu dengan tuntunan al Qur'an dan al Sunnah.
4. Kajian ini akan mengenalpasti apakah *peusijuek* diamalkan oleh seluruh masyarakat Aceh masa kini ataupun hanya sebahagian sahaja.

Sistem penyebaran Islam seperti ini selalu diuraikan oleh para tokoh sejarah dan tokoh agama dalam berbagai seminar, namun tidak pernah ada suatu sumber tertulis yang menyatakannya, hanya dari satu huraian kepada huraian sahaja. Huraian tentang mistik lebih jauh, lihat A. Mukti Ali, *Ilmu Perbandingan Agama*, Jakarta: Tintamas, 1993, hlm. 54.

¹⁷ Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Aceh*, Medan: Monora, 1972, hlm. 75. Lihat juga M. Hoesin, *Adat Aceh*, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Aceh, 1970, hlm. 72

Selanjutnya penyelidikan ini diharapkan bermanfaat bagi kepentingan ilmu pengetahuan, dan memahami dampak yang ditimbulkan dari upacara *peusijuek*, terutamanya terhadap masyarakat dalam mengamalkan agama yang dianutnya. Hal ini erat kaitannya dengan kehidupan beragama suatu masyarakat yang dapat dipengaruhi oleh toleransi beragama dan budaya yang pernah berkembang sebelumnya. Seterusnya manfaat yang paling besar dalam penyelidikan ini, diharapkan akan lebih jelas, aspek budaya yang Islami dan aspek budaya yang non Islami.

1.4. SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Perbincangan tentang upacara *peusijuek* ini merupakan masaalah yang sangat sukar kerana ianya melibatkan persoalan agama dan budaya. Agama yang dimaksudkan disini adalah agama Islam, dimana telah berlaku suatu asimilasi dari luar ajaran Islam yang sudah menjadi budaya atau adat istiadat yang sangat kuat. Untuk menentukan apakah *peusijuek* ini adalah amalan agama ataukah amalan budaya sangat sukar.

Sebagaimana yang telah dihuraikan terdahulu, adakah *peusijuek* itu amalan agama Islam ataukah amalan budaya dalam masyarakat Aceh. Hal ini yang sangat sukar untuk menentukannya oleh kerana *peusijuek* tidak dapat dipisahkan dengan setiap upacara adat, apakah sosia-agama seperti sunat Rasul (berkhitan), orang yang hendak bertolak menunaikan ibadah haji, mahupun sosio-kemasyarakatan seperti membina sebuah bangunan, upacara perkahwinan, dan sebagainya.

Skop kajian ini adalah sekitar masaalah, apakah *peusijuek* itu amalan budaya masyarakat Aceh ataukah amalan agama Islam? Ada kalanya di tengah-tengah masyarakat *peusijuek* itu lebih kuat peranannya daripada amalan agama Islam. Para tokoh agama dan masyarakat Aceh, seperti A. Hasjmy, Teuku Raja Itam Aswar Syiah Ulama, Muhammad Hakim Nya' Pha, dan tokoh-tokoh agama lainnya, telah menyatakan sebagaimana yang telah dihuraikan terdahulu bahawa amalan *peusijuek* itu merupakan

peninggalan budaya Hindu, tidak bertentangan dengan ajaran Islam, dan telah dislamisasikan oleh para ulama terdahulu. Akibat daripada itu, masyarakat Aceh yang kurang pemahaman agamanya, akan menjadikan *peusijuek* sebahagian daripada amalan agama Islam.

Dalam konteks ini, untuk memberikan gambaran yang jelas, penyelidikan ini memberikan batasan kajian antara agama dan budaya. Hal ini sangat diperlukan agar jelas ruang lingkup antara agama dan budaya. Bahkan amalan *peusijuek* tidak hanya dilakukan oleh kalangan masyarakat awam sahaja, tetapi dilaksanakan juga oleh kalangan tokoh intelektual, cerdik pandai, dan tokoh agama.

Batasan antara agama dan budaya menurut para ahli adalah seperti berikut :

1.4.1. Agama .

1. Di dalam *Kamus Dewan*, dijelaskan bahawa agama adalah kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa.¹⁸
2. Agama juga berasal dari perkataan *Sanskrit*, yang terdiri dari perkataan (A) dan "Gam". "A" bermakna "tidak" dan "Gam" bererti "pergi". Jadi perkataan "agama" bermakna tidak pergi, tetap di tempat, *langgeng* (kekali) diwariskan secara turun temurun. Secara kerohanian, agama itu ialah *dharma* dan kebenaran abadi yang mencakup seluruh jalan kehidupan manusia.¹⁹
3. Roland Robertson dalam buku yang berjudul, *Sociology of Religion*, menjelaskan bahawa agama sebagai suatu kesatuan yang mengatur hubungan dengan dunia ghaib, khususnya dengan Tuhan, mengatur hubungan manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam persekitarannya. Lebih khusus lagi, agama sebagai suatu sistem

¹⁸ *Kamus Dewan*, Edisi ke Tiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 12.

¹⁹ Tjok Rai Sudharta, *Upadesa Tentang Ajaran-Ajaran Agama Hindu*, Surabaya: Penerbit Paramita, 2001, hlm. 4.

kepercayaan yang dianuti dan tindakan sesuatu kelompok atau masyarakat dalam mentafsirkan dan memberikan respon apa yang dirasai atau dipercayai sebagai ghaib dan suci. Sebagai suatu sistem kepercayaan, agama berbeza dengan sistem kepercayaan ataupun fahaman lain. Kerena sistem kepercayaan berasaskan konsep suci dan yang ghaib, agama berbeza atau bertentangan dengan dunia ni yang berasaskan dengan hukum alam.²⁰

4. Emile Durkheim, seorang pelopor sosiologi agama di Perancis yang dipetik oleh Thomas F.O' Dea dalam buku *The Sociology of Religion*, menegaskan bahawa agama merupakan sumber semua kebudayaan yang sangat tinggi. Oleh kerana itu agama menunjukkan seperangkat aktiviti manusia dan sejumlah bentuk-bentuk sosio yang punya erti penting.²¹

Jadi secara sederhana, agama dapat disimpulkan sebagai suatu sistem kepercayaan kepada Yang Maha Ghaib (Tuhan), dimana manusia akan takluk, tunduk dan patuh terhadap semua ajarannya tanpa memberikan suatu bantahan apapun. Kepercayaan terhadap Tuhan bersifat suci (*sacra*) dan mutlak (*absolute*), serta semua ajarannya akan dipatuhi.

1.4.2. Adat dan Budaya

Pada lazimnya perkataan adat dan budaya merupakan suatu kata yang saling berhubungan dalam suatu makna. Meskipun demikian kedua perkataan tersebut, (adat dan budaya) memiliki makna yang berbeza akan tetapi saling berkaitan. Dalam konteks ini pengertian kedua perkataan tersebut di jelaskan sebagai berikut :

²⁰ Lihat, Roland Robertson, *Sociology of Religion*, (terj) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. ix-x.

²¹ Thomas F.O' Dea, *The Sociology of Religion*, New Jersey: Englewood Cliffs, 1989 hlm. 3.

1.4.2.1. Adat

Perkataan (adat) mempunyai banyak pengertian yang telah diberikan oleh para tokoh, namun ianya mempunyai makna yang tidak jauh berbeza. Di antaranya adalah seperti berikut :

1. Dalam *Kamus Dewan*, perkataan adat adalah peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam suatu masyarakat (sehingga merupakan suatu hukum dan peraturan yang harus dipenuhi), lembaga.²²
2. Adat adalah suatu tatanan, aturan, kebiasaan-kebiasaan perilaku hidup yang tertentu telah disepakati bersama-sama serta mengikat anggota masyarakat menjadi suatu komuniti.²³
3. Kuntowidjoyo, dalam buku *Budaya dan Masyarakat*, menjelaskan bahawa adat adalah suatu aturan hidup yang mempunyai hukum/sangsi bila dilanggar (ditentang). Adat dianggap sakral oleh masyarakat tertentu, ia adalah suatu aturan tertentu yang mempunyai status tertinggi dalam suatu komuniti.²⁴
4. Adat adalah sarana yang sangat diperlukan untuk membentuk kehidupan yang sesuai dan serasi dengan sekitarnya, dengan alam sekeliling, dan lingkungan yang sifatnya saling mempengaruhi.²⁵
5. Koentjaraningrat dalam buku yang bertajuk "*Kebudayaan, Mentalitas dan Pembangunan*" menjelaskan bahawa adat ialah wujud ideal daripada kebudayaan. Secara lengkap wujud itu dapat disebut sebagai adat tata-kelakuan, kerana adat berfungsi sebagai pengatur kelakuan. Adat dapat dibahagi ke dalam

²² Lihat, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 7.

²³ Lembaga Adat dan Budaya Aceh Propinsi Daerah Istimewa Aceh, 1990, *Pedoman Umum Adat Aceh*, hlm. 9-10.

²⁴ Kuntowidjoyo, *Budaya dan masyarakat*, Yogyakarta: Penerbit Tiara Wacana, 1987, hlm. 45.

²⁵ Husaini Husda, *Ketahanan Adat dan Budaya Nagan*, Pusat Penelitian IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, 1998/1999, hlm. 36.

empat katagori iaitu tingkat nilai budaya, tingkat norma-norma, tingkat hukum, dan tingkat aturan khusus.²⁶

1.4.2.2. Budaya

Budaya mempunyai pengertian yang beraneka ragam menurut para ahli kebudayaan seperti berikut :

1. Kata budaya atau kebudayaan, berasa dari kata Sanskrit iaitu "buddhayah" bentuk jamak daripada "buddhi" yang bererti "budi" atau "akal". Budaya itu dapat di ertiakan "hal-hal yang menyangkut dengan budi dan akal"²⁷
2. Kamus Dewan menjelaskan bahawa budaya adalah tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir, berkelakuan). Berbudaya bermakna menjadi kebiasaan atau kelaziman, membentuk kebudayaan.²⁸
3. A. Hasjmy, sejarawan dan sasterawan Aceh, dalam buku yang berjudul, *Sejarah Kebudayaan Islam*, menjelaskan bahawa: "Kebudayaan adalah penjelmaan (manifestasi) dari akal dan rasa manusia. Hal mana bererti manusialah yang menciptakan kebudayaan, atau kebudayaan bersumberkan kepada manusia ".²⁹
4. Budaya atau kebudayaan = *cultuur* (bahasa Belanda) = *culture* (bahasa Inggris) = *tsaqafah* (bahasa Arab), berasal dari perkataan Latin : "Colere" yang ertiannya mengolah, mengerjakan, menyuburkan dan mengembangkan, terutamanya mengolah tanah atau bertani. Dari erti ini maka berkembanglah erti "*culture*" sebagai segala daya dan upaya aktivitas manusia untuk mengolah dan mengubah alam. Ditinjau dari sudut bahasa Indonesia (Melayu) budaya berasal

²⁶ Koentjaraningrat, *Kebudayaan, Mentalitas dan Pembangunan*, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1994, him. 10-11.

²⁷ *Ibid*, him. 9

²⁸ Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, him.181

²⁹ A. Hasjmy, *Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1979, him. 14.

dari bahasa Sanskrit "buddhayah" iaitu bentuk jamak dari "buddhi" yang bererti budi atau akal.³⁰

Jadi adat dan budaya merupakan dua perkataan yang sentiasa digandingkan untuk memberi suatu makna yang saling kuat dan menguatkan. Sebagaimana yang dihuraikan oleh Rusdi Sufi dalam buku yang bertajuk *Keanekaragaman Suku dan Budaya di Aceh*, bahawa adat dan budaya dalam masyarakat Aceh terpola dalam suatu bentuk yang luas dan cukup komplik.³¹

Fokus penyelidikan ini adalah pada upacara *peusijuek*, dan persoalan apakah ia adalah suatu amalan budaya atau agama. Persoalan ini dapat juga dilihat dalam sebuah buku bertajuk *Adat Aceh*, yang telah ditulis oleh Muhammad Hosein, seperti berikut : "Hingga saat ini *peusijuek* tidak boleh dipisahkan dengan upacara-upacara lainnya, sebab itu adakalanya pelaksanaan *peusijuek* melebihi daripada amalan agama".³²

Boleh jadi kerana *peusijuek* merupakan asimilasi antara adat budaya agama Hindu dan budaya Aceh. Perkiraan ini melihat dari catatan sebuah ungkapan yang diterbit oleh Pemerintahan Daerah Tingkat II. Kabupaten Aceh Timur dalam *Monografi Pemerintahan Daerah*, yang telah memberikan suatu ulasan sejarah yang sangat menarik seperti berikut :

Besar kemungkinannya bahawa semenjak agama Islam masuk ke Aceh hingga abad XVIII, iaitu puncak kegemilangan kerajaan Aceh di bawah kepemimpinan Sultan Iskandar Muda. Di bawah kekuasaannya telah berusaha mengambil alih kebudayaan Arab Islam yang telah disesuaikan dengan adat istiadat yang telah lama hidup dalam masyarakat Aceh, yang sebenarnya juga merupakan hasil dari asimilasi dengan kebudayaan Hindu dan Buddha.³³

³⁰ Joko Tri Prasetya (*et.al.*), *Ilmu Budaya Dasar (Lengkap)*, Jakarta: Rineka Cipta, 2004, hlm. 28.

³¹ Rusdi Sufi, (*et.al.*), *Keanekaragaman Suku dan Budaya di Aceh*, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, Depdikbud Banda Aceh, 1998, hlm. 25.

³² Lihat Muhammad Hosein, *Adat Aceh*, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Propinsi Daerah Istimewa Aceh, 1970, hlm. 47.

³³ Pemda Aceh Timur, *Monografi Pemda Tingkat II. Kabupaten Aceh Timur 1970*, Sekretariat Pemda Aceh Timur, 1970, hlm. 175.

1.5. PENDEKATAN DAN METODOLOGI KAJIAN

1.5.1. Pendekatan

Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi agama dan perbandingan agama.

1.5.1.1. Sosiologi Agama.

Penggunaan pendekatan sosiologi agama dipandang sangat membantu kajian ini. Agama merupakan aspek sentral dan fundamental dalam kebudayaan. Kebudayaan dalam erti keseluruhan, isi konkrit yang terkandung di dalamnya, boleh berharmoni atau berkonflik dengan keadaan dan situasi yang ada atau dengan proses transformasinya di masa hadapan.

Teori fungsional yang kemukakan oleh Tomas F. O'Dea dalam buku yang bertajuk : *Sosiologi Agama Suatu Pengenalan Awal* menyebutkan bahawa :

" Teori fungsional ialah segala sesuatu yang tidak berfungsi akan lenyap dengan sendirinya. Kerana agama sejak dahulu hingga kini masih ada, maka jelas agama mempunyai fungsi, atau akan memerlukan sejumlah fungsi ".³⁴

Teori fungsional menyediakan suatu jalan masuk yang bermanfaat untuk memahami agama sebagai fenomena sosial yang universal, dan erti penting fungsionalnya terhadap kebudayaan, masyarakat, dan keperibadian manusia. Agama memberi kebudayaan sebagai tempat berpijak yang berada diluar pembuktian, atau tidak terbukti. Agama memberikan sumbangan sistem sosio dalam erti pada titik kritis, pada saat manusia menghadapi ketidak pastian dan ketidak berdayaan. Agama juga menyediakan sarana untuk menyesuaikan diri dengan frustasi kerana kecewa, apakah ia bersumber dari kondisi manusia, atau dari susunan kelembagaan masyarakat. Teori fungsional menumbuhkan perhatian kepada sumbangan fungsional agama yang diberikan terhadap sistem sosial. Dengan demikian agama akan menjawab masaalah

³⁴ Tomas F O'Dea, *Sosiologi Agama Suatu Pengenalan Awal*, terj. Yasogama, Yogyakarta: Yayasan Solidaritas Gajah Mada, 1985, hlm. 7

makna. Ia memberikan sanksi pada norma tatanan sosial yang telah mapan (kuat) seperti apa yang dikenal sebagai titik kritis dengan menyediakan suatu dasar kepercayaan dan orientasi manusia dari sudut realiti.³⁵

Thomas F.O' Dea dalam buku yang bejudul, *The Sosioogy of Religion* mengatakan bahawa :

Agama sama halnya dengan kebudayaan merupakan transformasi simbolis pengalaman, juga merupakan sistem pertahanan dalam erti seperangkat kepercayaan dan sikap. Agama juga merupakan salah satu bentuk perlindungan budaya, dimana agama terlihat sebagai pusat kebudayaan dan penyaji aspek kebudayaan tertinggi dan suci.³⁶

Teori Fungsional yang dipaparkan oleh Thomas dalam buku tersebut menyatakan bahawa segala hal yang tidak berfungsi akan lenyap dengan sendirinya. Kerana agama dan budaya sejak dahulu sehingga masa kini masih ada dan bertahan, maka sangat jelas agama dan budaya mempunyai fungsi. Di antara fungsi agama dan budaya tersebut terdapat suatu amalan yang disebut dengan *peusjuek*. Persoalannya kini adalah, apakah *peusjuek* itu amalan agama ataukah budaya ?

Salah satu sumbangan yang paling berharga dari teori fungsional ialah ia telah mengarahkan perhatian pada watak agama yang menawarkan sudut pandangan lain dimana kita mulakan kajian sosiologi terhadap agama dari sudut perspektif yang saling melengkapi.

Dengan demikian agama tidak sahaja sekadar faktor penyumbang bagi integrasi masyarakat untuk mencapai tujuan dan pengendalian sosio-kemasyarakatan. Agama juga dapat memiliki pemisah (*desintegrative*), suatu penyebab awal ketegangan dan konflik (antara individu dan masyarakat).

Agama dapat memberikan sumbangan bagi masyarakat dengan menghibur (memberi perasaan gembira) kepada mereka yang kecewa kerana tidak puas

³⁵ *Ibid*, him. 11-12

³⁶ Thomas F O'Dea, loc. cit, him. 214.

(keinginannya tidak tercapai), dengan ajaran dan petuah (pedoman) agama. Melalui fungsi risalat (syari'at dan akidah), agama dapat mencegah idolisasi (pengkultusan, rasa kagum pada sesuatu) atau pemberhalaan bentuk-bentuk sosio, yang dapat menghambat stabiliti dan penyesuaian kemurnian akidah. Agama dapat memberikan identiti fundamental bagi individu dan kelompok, pengarahan diri dan moral masyarakat. Akhirnya agama dapat memberikan dukungan bagi individu disaat berada pada tahap-tahap pertumbuhan dan kedewasaan. Kerana agama sebagai unsur penting dalam kebudayaan dapat memberikan bentuk dan arah pada fikiran, perasaan, dan tindakan manusia. Agama menyeimbangkan orientasi nilai, aspirasi, dan ego ideal manusia.

1.5.1.2. Perbandingan Agama

Perbandingan agama sangat membantu kajian ini, hal mana erat hubungannya dengan sejarah masuknya Islam ke Aceh, dimana sebelum masuknya Islam ke Aceh, masyarakat Aceh telah memeluk agama Hindu. Zakaria Ahmad dalam buku yang berjudul, *Sekitar Kerajaan Atjeh*, menjelaskan bahawa :

Sebelum Islam masuk dan berkembang ke Aceh, kerajaan Hindu lebih awal berkembang di Aceh. Dengan demikian adat budaya yang menjadi amalan bagi masyarakat Aceh saat itu adalah budaya Hindu. Masuknya Islam ke Aceh pada tahun 670-730 H. masyarakat Aceh telah betukar agama, daripada pemeluk agama Hindu menjadi pemeluk agama Islam, sementara itu amalan agama Hindu tetap berjalan dan diamalkan setiap harinya. Hal ini terjadi kerana pengislaman pada masa itu berjalan perlahan-lahan. Hal-hal yang dianggap tidak merosakkan akidah Islam dibiarkan begitu sahaja sampai bertahun-tahun lamanya.³⁷

A. Mukti Ali, tokoh Ilmu Perbandingan Agama pada Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta mengatakan :

Ilmu perbandingan agama bukanlah untuk mencari kesalahan dan kebenaran suatu agama. Ilmu Perbandingan Agama ialah mempelajari aspek-aspek suatu agama dengan agama lain, yang kemudiannya akan dibincangkan dalam arena perbandingan agama.³⁸

³⁷ Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh*, Medan: Monora, 1972, hlm. 26.

³⁸ A. Mukti Ali, *Metode Ilmu Perbandingan Agama*, Jakarta: Tinta Mas, 1970, hlm. 35.

Seterusnya Departemen Agama Republik Indonesia, dalam buku yang dihasilkan berjudul: *Perbandingan Agama*, menegaskan bahawa,

Perbandingan agama berusaha untuk mengumpulkan aspek-aspek yang telah dikumpulkan oleh sejarah agama. Kemudian membandingkannya dengan agama lain. Hal ini adalah untuk menentukan setruktur yang fundamental daripada pengalaman dan konsepsi-konsepsi keagamaan, dengan memilih dan menganalisis persamaan dan perbezaan antara agama-agama berkenaan.³⁹

Ada beberapa aspek ajaran agama Hindu yang sama dengan budaya Aceh. Dengan membuat suatu kajian seperti *muspa* dalam agama Hindu, yang sama dengan *peusijuek* dalam budaya Aceh, maka akan dapat ditelusuri, apakah *peusijuek* itu ada dalam Islam atau tidak. Dan adakah *pusijuek* itu agama atau budaya. Untuk membezakan dan memisahkan antara agama dan budaya itu di tengah-tengah masyarakat awam sangat sukar, kerana ada beberapa aspek budaya yang telah menyatu dengan aspek agama, dan telah menjadi amalan sehari-hari yang sangat sukar untuk dihapuskan. Sementara antara budaya dan agama masing-masing mempunyai ciri-ciri yang sangat berbeza.

Secara umum ada beberapa ciri atau bahagian yang dapat membezakan antara agama dengan budaya, seperti berikut :

- 1). Agama ajaran-ajarannya selalu bersumber pada wahyu yang berisikan petunjuk-petunjuk Tuhan, atau *wangsit* (wahyu dalam agama primitif atau lokal), yang diturunkan kepada Nabi atau Rasulnya. Melalui Nabi ajaran-ajarannya diteruskan kepada sahabat dan manusia sebagai penganutnya. Dalam agama-agama besar atau agama samawi, ajaran-ajaran agama yang diturunkannya melalui wahyu itu, dibukukan sebagai kitab suci, seperti al Qur'an, Zabur, Taurat, dan Injil. Demikian juga ajaran-ajaran Nabi yang disebut dengan hadis, atau sunnah. Sementara

³⁹ Departemen Agama Republik Indonesia, *Metode Ilmu Perbandingan Agama*, 1987, him. 125.

ajaran-ajaran agama lokal atau primitif, diwujudkan dalam tradisi dan upacara-upacara. Sedangkan budaya bersumber daripada budi daya manusia itu sendiri.

- 2). Agama mengandungi ajaran-ajaran tertinggi dan mutlak kebenarannya tentang eksistensi, dan petunjuk-petunjuk untuk hidup selamat dari dunia sampai ke akhirat. Sebagai penganut agama yang bertakwa kepada Tuhannya, akan melaksanakan semua ajaran agama dengan segala risiko yang dihadapinya. Sementara itu agama sebagai suatu keyakinan dapat menjadi bahagian yang inti dari suatu sistem-sistem nilai kebudayaan. Sebaliknya agama tidak dapat dijadikan sistem-sistem dari kebudayaan.
- 3). Agama sebagai suatu sistem keyakinan dapat berorientasi kemasa hadapan, yang berisikan petunjuk-petunjuk untuk penganutnya, agar selamat di dunia mahupun kehidupan setelah mati. Salah satu yang sangat berbeza dari isme-isme yang lainnya, adalah penyerahan diri secara total kepada Tuhannya. Tidak ada satu agamapun yang tidak menuntut untuk melakukan penyerahan diri secara total dari para penganutnya, apakah agama samawi mahupun agama lokal (primitif).⁴⁰

Roland Robertson dalam buku, *Agama: Dalam Analisa dan Interpretasi Sosiologis*, memetik pendapat J. P. Williams, mengatakan bahawa :

Setidak-tidaknya ada empat tahapan pemahaman keagamaan iaitu :

1. Tingkat rahsia, iaitu seseorang memegang ajaran agama itu hanya untuk dirinya sendiri, dan tidak untuk didiskusikan dengan orang lain.
2. Tingkat peribadi, yakni dia mendiskusikan pengetahuan agamanya untuk menambah dan menyebarkan kepada kalangan orang-orang tertentu sahaja, sebagai orang yang sangat dekat hubungannya secara peribadi.

⁴⁰ Lihat Parsudi Suparman, dalam Kata Pengantar, Roland Robertson, ed. *Agama: Dalam Analisa Dan Interpretasi Sosiologis*, Jakarta: Rajawali Pers, 1980, hlm. vi-vii

3. Tingkat denominasi, yakni orang yang mempunyai pengetahuan keagamaan yang sama tingkatannya dengan orang lain dalam kelompok besar (global). Kerana itu bukan merupakan suatu kelompok yang rahsia.
4. Tingkat masyarakat, yakni orang yang memiliki keyakinan keagamaan sama dengan warga masyarakat lainnya.⁴¹

Dalam penggunaan pendekatan kaedah perbandingan agama, penyelidikan ini, akan menganalisis aspek-aspek keagamaan dalam ajaran agama Islam dan ajaran Hindu, akan merumuskan, apakah *peusijuek* itu masuk dalam ajaran Islam atau ajaran Hindu. Tumpuan kajian ini hanya pada *muspa* dan *peusijuek* sahaja. Ia tidak bertujuan untuk mencari kebenaran dan kesalahan dari kedua agama tersebut. Kerana perbandingan agama selalunya berusaha untuk menemukan aspek-aspek keagamaan, yang kemudian untuk dibincangkan dalam arena perbandingan agama, bukan menentukan salah dan benarnya.

1.5.2. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan seperti berikut :

1.5.2.1. Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

Penyelidikan perpustakaan ini sangat membantu dalam memperolehi data-data yang berkenaan dengan teori-teori, istilah- istilah dan hal-hal yang ditemui di lapangan atau di tengah-tengah masyarakat. Diharapkan berbagai maklumat dan informasi akan diperolehi dari pada buku-buku, tesis, jurnal, kamus, dan sebagainya.

⁴¹ Roland Robertson (ed.), *Agama : dalam Analisa dan Interpretasi Sosioiologis*, Jakarta: Rajawali Pers, 1988, hlm. xii-xiii.

1.5.2.2. Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)

Penyelidikan lapangan, atau lawatan lapangan sangat diperlukan untuk memperolehi data-data yang lebih tepat dan objektif mengenai pelaksanaan *peusijuek*. Pelaksanaan *peusijuek* di lapangan akan dikaji apakah sesuai atau selaras dengan teori-teori dan kajian yang telah diperolehi dan dikumpulkan melalui perpustakaan. Untuk memperolehi data tersebut penyelidikan ini menggunakan teknik pengumpulan data seperti berikut :

1) Temu bual /*interview*

Temu bual sangat perlu dan berguna untuk memperolehi data dari responden yang dianggap mengetahui tentang perkara-perkara atau hal-hal yang sedang diselidiki. Responden dipilih terdiri dari tokoh masyarakat dan tokoh agama atau ulama, serta masyarakat awam. Dalam pengumpulan data lapangan ini digunakan *interview* tidak bersesuaian atau penyelidikan berasas. Penggunaan metodologi ini sangat membantu pengumpulan data di lapangan (*grounded research*), soalan atau pertanyaan yang diajukan kepada responden disesuaikan dengan kualiti responden yang dihadapi, daftar senerai responden dan pertanyaannya tidak disusun. Sebahagian nama responden tidak disebutkan, sesuai dengan permintaan responden itu sendiri yang hanya mahu ditemu bual tetapi tidak mahu namanya disebutkan.

2) Pemerhatian dan Penglibatan (observasi)

Untuk memperoleh data yang lebih tepat, dan sesuai antara teori-teori yang ditemukan dalam kajian perpustakaan dengan kajian lapangan, maka penyelidikan ini menggunakan teknik pengumpulan data dengan melibatkan diri langsung keobjek penyelidikan. Dimana penyelidik melibatkan diri secara langsung dalam pelaksanaan upacara *peusijuek*.

Semasa melaksanakan lawatan lapangan penulis akan memerhatikan terlebih dahulu para pelaku dan orang yang sedang di *peusijuek*. Untuk melihat secara

langsung, adakah sama pelaksanaannya dengan teori yang didapati semasa penyelidikan di perpustakaan, selanjutkan akan melibatkan diri dalam pelaksanaan atau cara *peusijuek*. Dalam perkara ini penulis akan memerhatikan semua unsur-unsur yang digunakan dalam upacara *peusijuek*. Setelah itu penulis akan melibatkan diri dalam pelaksanaan upacara *peusijuek*.

1.5.3. Metodologi Pembahasan

Setelah data perpustakaan dan data lapangan diperolehi, maka data-data tersebut akan dibahas dengan menggunakan kaedah kualitatif, deskriptif dan deduktif.

1.5.4. Lokasi Penyelidikan

Penyelidikan ini di jalankan di lokasi Nanggroe Aceh Darussalam, (untuk meneliti tentang upacara *peusijuek*) memandangkan daerah ini kurang terjamin keamanannya (saat penyelidikan ini). maka dipilih kawasan yang dianggap aman, apakah di bandar maupun di desa-desa. Lokasi yang diambil adalah daerah Kotamadya Banda Aceh, Kotamadya Sabang, Kota Lhokseumawe Aceh Utara, dan Kota Langsa Aceh Timur. Pulau Bali untuk penyelidikan tentang *muspa*, seperti Denpasar, Klungkung, dan Gianyar, dimana majoriti penduduk Bali menganut agama Hindu Dharma.

1.6. KEPENTINGAN KAJIAN

Sebelum agama Islam berkembang di Aceh, kebudayaan daerah ini telah berabad-abad lamanya dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha terutamanya di daerah-daerah pantai yang terletak di tepi lalu lintas antara bangsa. Sedangkan di pedalaman pengaruh animisme dan dinamisme masih sangat kuat.⁴²

⁴² Lihat Zakaria Ahmad, *loc. cit.*, hlm. 20.

Memetik pendapat daripada A. Mukti Ali, bahawa sebelum agama Islam masuk ke Indonesia, agama Islam lebih dahulu masuk ke India, bahkan penyebarannya pun dimulakan dari Gujarat (India). Hal ini di jelaskan oleh beliau dalam buku yang bertajuk *Alam Fikiran Modern di Indonesia* seperti berikut :

Sejarah telah mencatat Islam yang datang ke Indonesia ini adalah dibawa masuk dari India, dimana Islam tidak terlepas dari pengaruh Hindu. Percampuran antara Islam dan Hindu menambah mudah masuknya Agama Islam itu ke Indonesia, kerana sudah lama kenal dengan ajaran Hindu. Sebahagian besar tersiamya Islam di Indonesia adalah hasil daripada penyebaran kaum sufi. Dimana dalam beberapa hal dan segi mereka bersikap toleran terhadap ajaran asli dengan adat istiadat yang hidup dan berkembang di tempat itu. Suksesnya ajaran Islam itu berkembang juga di dukung oleh pembawa-pembawanya (muballig) yang telah memberikan kesempatan terhadap adat kebiasaan yang ada dan hidup dalam masyarakat.⁴³

Pendapat tersebut di atas, memberikan bayangan bagaimana sikap toleransi yang telah diberikan oleh kaum sufi terhadap penerimaan kebudayaan agama yang berkembang sebelumnya (pra-Islam), disebabkan pandangan mereka bahawa budaya tersebut hanya bersifat duniai semata-mata yang tidak dapat merosakkan akidah Islam.⁴⁴

Kepentingan kajian ini sangat diharapkan akan dapat menjelaskan bahawa bagaimanakah amalan *peusijuek* itu yang sebenarnya. Adakah *peusijuek* itu amalan agama Islam, ataukah amalan budaya pra Islam dalam masyarakat Aceh? Jikalau *peusijuek* itu amalan agama, termasuk ke dalam agama apakah ianya? Adakah amalan *peusijuek* itu dapat merosakkan akidah Islam? Hal ini sangat penting agar tidak terjadi kesilapan yang berterusan di kalangan masyarakat Aceh khususnya, dan umat Islam umumnya pada masa-masa yang akan datang.

⁴³ Lihat A. Mukti Ali, *Alam Fikiran Modern di Indonesia*, Jakarta: Titamas, 1964, hlm. 3-6.

⁴⁴ Lihat Nurdinah Muhammad (et.al.), *Ilmu Perbandingan Agama*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2004, hlm.81.